

Mahathir jawab Andrew Neil

11 MARI 1994

KUALA LUMPUR 4 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyangkal dakwaan pengarang *The Sunday Times*, London bahawa beliau salah faham laporan akhbar itu yang menuduhnya menerima rasuah.

Perdana Menteri berkata, sebenarnya tiada apa yang harus menimbulkan salah faham kerana laporan itu jelas menuduh beliau menerima wang daripada syarikat Britain, Wimpey.

“Jika saya salah faham terhadap apa yang dilaporkan... sudah tentu ramai orang di seluruh dunia akan salah faham kerana penyiaran kenyataan itu bahawa kami

mengamalkan rasuah,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO, di ibu pejabat parti itu, di sini.

Andrew Neil, Pengarang *The Sunday Times*, London dalam sepucuk surat kepada kerajaan Malaysia yang disampaikan melalui Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Britain dan salinannya dihantar kepada akhbar *Times* hari ini, mendakwa akhbarnya tidak pernah menuduh Dr. Mahathir menerima rasuah.

Neil juga mendakwa laporan berkenaan disalahfaham.

Dr. Mahathir mengula-

ngi pendiriannya bahawa apa yang diminta oleh Malaysia ialah akhbar Britain melaporkan perkara yang betul.

“Kami mahu mereka bercakap benar... itu sahaja...jika saya tidak menerima wang...jangan kata saya terima wang sehingga keluar kenyataan bahawa saya menerima AS\$50,000... saya tidak semurah itu,” tegasnya.

Katanya, laporan seumpama itu kini tersebar di 30 buah negara di seluruh dunia dan ia menjejaskan reputasinya.

“Ramai orang mempercayai apa yang dilaporkan oleh akhbar Britain...tapi apabila akhbar kami melaporkan sesuatu per-

kara mereka berkata akhbar itu dikawal oleh kerajaan.

“Ini kerana kamu membaca sesetengah akhbar...jika kamu baca akhbar lain kamu akan mendapati bahawa mereka bebas berkata apa sahaja,” katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, adalah baik bagi akhbar Britain untuk melaporkan perkara yang benar.

“Bila kamu mula menyebarkan sesuatu yang bohong...kamu mencipta masalah kepada orang lain...bila mereka yang terlibat marah dengan apa yang dilaporkan...kamu (akhbar Britain) kembali kepada sejarah dan berkata itu semua

kerana bapanya tidak mendapat kenaikan pangkat, saya fikir ini adalah tidak wajar,” katanya.

Ditanya oleh wartawan British, adakah tindakan akhbar Britain meninggalkan kesan kerugian kepada kerajaan Malaysia, Dr. Mahathir berkata: “Saya tidak fikir kamu (akhbar Britain) mengakibatkan ‘kerusakan’, sebaliknya kita akan beri kontrak kepada orang lain.”

Perdana Menteri juga enggan mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri Britain, John Major yang berkata, tindakan Malaysia sebagai berpandangan singkat dan tidak wajar.